

**SAMBAR EKOR PUTIH**  
White-tailed Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae  
NAMA SAINTIFIK: *Cyornis concretus*

**CIRI-CIRI**

Burung ini bersaiz agak besar dan mempunyai warna biru di kepala dan badan, manakala perut dan bawah tongkeng agak putih. Jika diperhatikan terdapat garis putih di sepanjang tepi ekornya dan akan lebih jelas kelihatan apabila ekornya kembang. Bagi burung betina, terdapat campuran warna putih di bahagian atas dada dan bawah tekak dan garisan putih di sepanjang ekornya. Badannya berwarna coklat terang tetapi tekaknya agak lebih pudar. Perut dan bawah tongkeng pula berwarna putih. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 19 sm.

**MAKANAN**

Ia menggemari serangga yang berterbangan.

**HABITAT**

Burung ini boleh dijumpai di hutan dipterokap dan hutan sekunder. Ia boleh dijumpai dari ketinggian 100-1,360 meter dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang pelbagai. Selalunya mengeluarkan antara 3-7 siri bunyi yang berulang-ulang; *pieu..pieu..pieupieu jee-ooe*; *titi..ti.ti. teu terterr..* dan *pheu pheu jing*.

**PEMBIAKAN**

Burung ini membina sarang berbentuk cawan di dalam lubang pada tebing. Musim membiak bagi burung ini adalah dari bulan April hingga Ogos pada setiap tahun. Burung betina, boleh menghasilkan antara 2-3 biji telur pada setiap kali ianya bertelur. Warna telur adalah kuning pudar, seakan-akan warna batu dan saiz telur adalah 23.9 x 18 mm.

**STAT**

Akta 76/72, diperlidungi sepenuhnya.